

BAB 4

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN
DOMESTIK MALAYSIA

STATISTIK PELANCONGAN
DOMESTIK NEGERI
PULAU PINANG





Bab 04 | STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Pada tahun 2022, pelancongan domestik Malaysia menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan disebabkan peningkatan perjalanan setelah bergelut dengan krisis pandemik selama hampir 2 tahun. Seramai 171.6 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2022 dengan kenaikan sebanyak 160.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, sebanyak 207.8 juta perjalanan pelancongan telah dilakukan oleh pelawat domestik di dalam negara dengan purata perjalanan meningkat daripada 1.10 perjalanan kepada 1.21 perjalanan bagi setiap pelawat.

Secara keseluruhan, perbelanjaan pelancongan domestik meningkat sebanyak 248.1 peratus pada 2022 (2021: -54.5%). Sejumlah RM64.1 bilion telah dibelanjakan bagi pelancongan domestik pada 2022 berbanding RM18.4 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini menyebabkan kenaikan dalam purata perbelanjaan mengikut perjalanan kepada RM308 berbanding RM254 pada tahun 2021. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada 2022 bertambah kepada 2.55 hari berbanding 2.19 hari pada tahun sebelumnya.

171.6 juta
Jumlah pelawat domestik, 2022

Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan meningkat pada tahun 2022

RM64.1 bilion
Perbelanjaan pelawat domestik, 2022

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2021-2022

Statistik utama	2021	2022	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	66.0	171.6	160.1
Bilangan perjalanan (juta)	72.4	207.8	187.0
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	18.4	64.1	248.1
Purata perbelanjaan (RM)	254	308	21.3
Purata bilangan hari menginap (hari)	2.19	2.55	16.6
Purata perjalanan	1.10	1.21	10.3

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.



337.1%
Peningkatan
bilangan
pelancong pada tahun
2022



65.4%
Sumbangan
perjalanan harian pada
tahun
2022

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2022 adalah seramai 106.5 juta pelawat dengan peningkatan sebanyak 108.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong turut meningkat daripada 14.9 juta pada tahun 2021 kepada 65.1 juta (337.1%) seperti yang ditunjukkan di Jadual 4.2

Jadual 4.2 Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2021-2022

Jenis pelawat	2021	2022	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	51.1	106.5	108.5
Pelancong	14.9	65.1	337.1
Jumlah	66.0	171.6	160.1

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2022, peratus sumbangan perjalanan harian dan bermalam masing-masing adalah 65.4 peratus (135.9 juta perjalanan) dan 34.6 peratus (72.0 juta perjalanan). Peratus sumbangan perjalanan bermalam meningkat sebanyak 13.1 mata peratus berbanding yang dicatatkan pada 2021, iaitu 21.5 peratus (Paparan 4.1).

Paparan 4.1 Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2021-2022

Perjalanan Harian



Perjalanan Bermalam




Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh kedua-dua perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Ekoran daripada penamatan sekatan perjalanan, jumlah perbelanjaan pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan peningkatan signifikan pada tahun 2022. Perbelanjaan pelancong meningkat sebanyak 425.1 peratus berbanding penyusutan 68.0 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian meningkat 129.0 peratus kepada RM25.2 bilion (2021: RM11.0 bilion) seperti yang ditunjukkan di Paparan 4.2.



Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2021-2022



248.1%
Perbelanjaan pelancongan domestik meningkat pada 2022

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PULAU PINANG

Kedatangan pelawat, 2022

Pulau Pinang menerima seramai 10.0 juta pelawat domestik pada 2022 berbanding 5.06 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan bilangan pelawat didorong oleh peningkatan bilangan pelancong sebanyak 388.8 peratus iaitu kepada 3.48 juta pelancong berbanding 0.71 juta pelancong pada tahun 2021 seperti pada Jadual 4.3.

10.0 juta
Ketibaan pelawat domestik di **Pulau Pinang** pada 2022

Jadual 4.3 Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Pulau Pinang, 2021-2022


Jenis pelawat	2021	2022	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	0.71	3.48	388.8
Pelawat domestik	5.06	10.0	97.6

Selangor
Negeri asal pelancong yang paling ramai berkunjung ke **Pulau Pinang, 2022**

Negeri asal pelancong, 2022

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi Pulau Pinang pada tahun 2022. Berdasarkan survei, pelancong berasal dari Selangor adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 1.06 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Pulau Pinang (0.83 juta pelancong), W.P. Kuala Lumpur (0.30 juta pelancong), Kedah (0.29 juta pelancong) dan Negeri Sembilan (0.19 juta pelancong).

Carta 4.1 Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Pulau Pinang, 2022



Bilangan pelancong (ribu)

1.06 juta
Pelancong dari **Selangor**
yang mengunjungi
Pulau Pinang pada
2022



QueensBay Mall
Destinasi tumpuan
utama pelawat domestik
pada tahun 2022

Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2022

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Pulau Pinang pada tahun 2022 iaitu Queensbay Mall, Pantai Batu Ferringhi, Bukit Bendera, Gurney Plaza dan KOMTAR.

Paparan 4.3 Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Pulau Pinang, 2022




Terimaan pelancongan domestik, 2021

Pada tahun 2021, dari segi nilai terimaan, sejumlah RM1.2 bilion telah dibelanjakan oleh pelawat domestik semasa berkunjung ke Pulau Pinang berbanding tahun sebelumnya, RM2.4 bilion. Trend penurunan ini disumbangkan oleh pengurangan jumlah terimaan bagi perjalanan bermalam dan harian masing-masing sebanyak 65.3 peratus dan 23.4 peratus seperti pada Paparan 4.4.

Sementara itu, purata terimaan per perjalanan pada 2021 merekodkan penurunan kepada RM225 berbanding nilai yang telah dicatatkan pada tahun sebelumnya iaitu RM263.


Paparan 4.4 Terimaan pelancongan domestik, 2020-2021



Bagi jumlah terimaan mengikut komponen pula, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 58.9 peratus daripada jumlah terimaan (2020: 52.5%). Ini diikuti oleh makanan & minuman (12.7%), pembelian bahan api kenderaan (11.9%) dan penginapan (6.7%) seperti pada Paparan 4.5.



Paparan 4.5 Terimaan daripada pelawat domestik ke Pulau Pinang mengikut komponen, 2020-2021



RM 1.2 bilion
 Nilai terimaan yang dibelanjakan oleh pelawat domestik ke Pulau Pinang, 2021

58.9 %
 Jumlah terimaan tertinggi dicatatkan oleh komponen membeli-belah, 2021

55.0 %
 Melawat saudara mara & rakan merupakan tujuan utama pelancong melakukan perjalanan ke Pulau Pinang, 2021

Tujuan perjalanan, 2021

Pada tahun 2021, majoriti pelancong berkunjung ke Pulau Pinang untuk tujuan melawat saudara-mara & rakan iaitu sebanyak 55.0 peratus seperti Paparan 4.6. Ini diikuti oleh perjalanan bagi tujuan percutian/ mengisi masa lapang/ berehat (33.4%) dan membeli-belah (8.8%).

Paparan 4.6 Peratusan tujuan perjalanan pelancong ke Pulau Pinang, 2021

